

Kesejahteraan Penjawat Awam yang Ulang Alik ke Tempat Kerja di Pulau Pinang, Malaysia

(The Well-being of Civil Servants Commuting to Work in Penang, Malaysia)

**Mohd Haizzan Yahaya^{1*}, Masarah Mohamad Yusof², Farhana Kamarul Bahrin³,
Mahathir Yahaya⁴**

^{1,2,3,4}Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia.

*Corresponding author: Mohd Haizzan Yahaya (m_haizzan@usm.my)

ABSTRAK

Kertas kerja ini memberi tumpuan kepada kesan serta dimensi kesejahteraan sosial terhadap aktiviti berulang-alik setiap hari ke tempat kerja di Pulau Pinang, Malaysia. Oleh kerana taraf hidup yang lebih tinggi di kawasan bandar dengan adanya kemudahan infrastruktur, kesihatan dan pendidikan yang lebih baik, lebih ramai penjawat awam serta keluarga mereka masih belum bersedia untuk menyesuaikan gaya hidup di kawasan tersebut. Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) mendapati kira-kira 60% penjawat awam tidak mampu untuk memiliki rumah sendiri berdekatan dengan tempat kerja mereka di kawasan bandar. Hanya kawasan di luar bandar menawarkan rumah mampu milik berharga tidak melebihi RM300,000 (USD65,000), manakala sebilangan besar penjawat awam bekerja di kawasan bandar. Status quo ini secara langsung menjadi salah satu faktor untuk mereka memilih terus tinggal di kawasan luar bandar yang jauh dari tempat mereka bekerja. Ini jelas menunjukkan bahawa sebilangan besar penjawat awam khususnya di Pulau Pinang tinggal di luar kawasan tempat mereka bekerja. Seramai 180 orang responden daripada kumpulan ini telah terlibat dalam tinjauan ini telah ditemu bual. Analisis kuantitatif telah dibincangkan dengan sewajarnya berdasarkan objektif kajian. Dapatan kajian menunjukkan sebilangan besar responden mengalami pelbagai kesulitan semasa berulang-alik setiap hari ke tempat kerja. Perjalanan ulang-alik jarak jauh turut menjejaskan kesejahteraan sosial, tekanan kerja dan kesihatan. Usaha untuk mengurangkan permasalahan ini demi kelangsungan kehidupan yang lebih baik dalam kalangan mereka adalah amat penting. Peningkatan usaha boleh dilakukan melalui kerjasama dalam pelbagai program, faedah dan kemudahan seperti perlindungan, jaminan keselamatan, serta bantuan sosial.

Kata kunci: Ulang Alik ke Tempat Kerja, Perumahan, Kesejahteraan Sosial, Penjawat Awam

ABSTRACT

This paper focuses on the impact and dimensions of social well-being on daily commuting to work in Penang, Malaysia. Due to the higher standard of living in urban areas with better infrastructure, health and education facilities, more civil servants and their families are not yet ready to adapt to the lifestyle in those areas. The Congress of Trade Unions in the Public Service (CUEPACS) found that about 60% of civil servants cannot afford to own their own home near their place of work in urban areas. Only rural areas offer affordable houses priced at no more than RM300,000

(USD65,000), while many civil servants work in urban areas. This status quo is directly one of the factors for them to choose to continue living in areas far from where they work. This clearly shows that a large number of civil servants especially in Penang live outside the area where they work. A total of 180 respondents from this group who participated in this survey were interviewed. Quantitative analysis was discussed accordingly based on the objectives of the study. The findings of the study show that a large number of respondents experience various difficulties during their daily commute to work. Long-distance commuting also affects social well-being, work stress and health. Efforts to reduce this problem for the sake of a better life among them are significant. Increased efforts can be made through cooperation in various programs, benefits and facilities such as protection, security guarantees, and social assistance.

Keywords: Commute to Work, Housing, Social Wellbeing, Civil Servants

1. Pengenalan

Sejak tahun 1957 sehingga ke hari ini, Malaysia pada hakikatnya telah melaksanakan pembangunan bagi seluruh masyarakatnya. Pihak yang bertanggungjawab dilihat memahami kepelbagaian masalah kehidupan rakyat dan terus berusaha untuk mengembangkan pelbagai program pembangunan bagi mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan sosial rakyat secara keseluruhannya. Meskipun secara umumnya pembangunan yang dilakukan dapat merubah keadaan cara hidup dan telah mencapai kemajuan, serta membawa nikmat dan kesejahteraan kepada masyarakat, pembangunan juga turut menghadirkan pelbagai masalah dan krisis.

Pencapaian pembangunan ini dapat dilihat melalui semakin berkurangnya indeks kemiskinan dan wujudnya keadaan ekonomi dan politik yang lebih stabil (Hein, 1983). Selain itu, keadaan ini juga disokong oleh faktor demografi dan sosial termasuk kesedaran, dan peluang bagi penyertaan anggota masyarakat dalam pembangunan (Mas'oed, 1989). Faktor-faktor ini amat penting dan perlu dilaksanakan secara holistik melalui perancangan dan dasar pembangunan yang tersusun serta sistematik. Keadaan pencapaian dan faktor-faktor ini juga akan dapat memberi peluang dan mendorong kelancaran program-program pembangunan yang disertai dengan pemusatan dan penyederhanaan sistem politik (Daus, 2004).

Dalam pada ini, pihak yang bertanggungjawab secara amnya turut sama dilihat mempunyai tanggungjawab yang utama dalam usaha mensejahterakan rakyat terutamanya di Pulau Pinang dengan melaksanakan perkhidmatan dan pengagihan sosial yang sesuai dengan prinsip-prinsip keadilan sosial, termasuk menyediakan dan mengagihkan rumah bagi penjawat awamnya. Namun, kerjasama dari pihak masyarakat dan organisasi bukan kerajaan harus ditingkatkan dari masa ke semasa. Peningkatan usaha ini hanya dapat dilakukan melalui kerjasama dalam pelbagai program, faedah dan kemudahan seperti perlindungan, jaminan keselamatan, serta bantuan sosial.

1.1. Permasalahan Kajian

Menurut Haizzan et. al (2018), Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) mendapati kira-kira 60% penjawat awam tidak mampu untuk memiliki rumah sendiri yang berdekatan dengan tempat kerja mereka di bandar-bandar besar (Yatim, 2012). Hanya di kawasan luar bandar sahaja menawarkan rumah mampu milik berharga tidak melebihi RM300,000, sedangkan ramai penjawat awam bekerja di bandar (Malek & Husin, 2012). Situasi ini jelas

memaparkan bahawa sebilangan besar penjawat awam di Pulau Pinang menetap di luar kawasan dari tempat mereka bekerja. Sebagai tambahan, kebanyakan pejabat pentadbiran negeri beroperasi di kawasan bandar seperti Bandar George Town.

Oleh yang demikian, kajian terhadap mengenalpasti isu, dimensi serta kesan terhadap ulang alik dari rumah ke tempat kerja bagi penjawat awam terutamanya di Pulau Pinang adalah penting untuk dilihat secara lebih mendalam untuk mencadangkan satu bentuk intervensi dan dasar sosial yang berkesan dalam meningkatkan aspek kesejahteraan sosial secara holistik.

1.2. Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti isu, dimensi dan kesan terhadap penjawat awam yang berulang alik ke tempat kerja di Pulau Pinang.

2. Sorotan Karya

Jarak antara rumah dan tempat kerja serta kepuasan kerja secara langsungnya tidak dapat dielakkan. Konsep seperti “*locus of control*”, yang digunakan untuk menjelaskan hubungan antara perjalanan, jarak dan kepuasan kerja, menunjukkan kepuasan kerja adalah lebih rendah dengan peningkatan jarak (Spies, 2006). Sebagai tambahan, jarak yang diukur dalam kilometer atau dalam masa, turut mempengaruhi dalam penilaian berkaitan kesejahteraan sosial atau pun kepuasan kerja seseorang individu (Spies, 2006). Perjalanan ke tempat kerja juga turut mendorong kepada masalah kesihatan (Sandow, 2014). Oleh yang demikian, penyelidikan mengenai kepuasan yang mendorong kepada kesejahteraan sosial dalam bekerja merupakan bahagian yang penting dalam tingkah laku sesebuah organisasi (Spector, 1997).

Menurut Mattias (2006), oleh kerana taraf hidup yang lebih tinggi di kawasan bandar yang mempunyai kemudahan infrastruktur, kesihatan dan pendidikan yang lebih baik, para pekerja dan keluarga masih belum bersedia untuk menampung gaya hidup di kawasan tersebut. Jika di lihat secara mendalam, keadaan ini secara lansung menjadi antara faktor mereka memilih untuk terus menetap luar dari kawasan bandar yakni lebih jauh dari tempat bekerja mereka. Selain itu, terdapat beberapa faktor lain yang mendorong peningkatan jarak dengan tempat bekerja dan antaranya adalah seperti kuasa pasaran, perubahan sosial, dan dasar awam (Sandow, Westerlund & Lindgren, 2014).

Dari perspektif yang berbeza, pekerja dilihat tidak dapat untuk mengimbangi kepentingan kerja dan tanggungjawab domestik serta mereka sebenarnya tidak perlu berulang-alik beberapa jam setiap hari kerana ianya mendorong kepada tekanan (Heiler & Pickersgill 2001). Secara teoritikal, implikasi jarak jauh adalah amat luas dan melangkaui struktur konsep tradisional dan tingkah laku manusia yang normal (Spies, 2006). Walaubagaimanapun, perjalanan tempat kerja dan kediaman yang jauh adalah fenomena baharu di Negara-negara Eropah (Schneider & Collet, 2010). Akan tetapi, masa yang diambil dari perjalanan ke tempat kerja turut berperanan sekali lagi dari segi pencapaian kerja serta kesejahteraan sosial (Sandow, Westerlund & Lindgren, 2014).

2.1. Kesejahteraan Sosial

Pembangunan sesebuah Negara bermatlamatkan serta berteraskan kepada kesejahteraan sosial. Kedudukan dan juga keadaan sesebuah Negara menggambarkan tahap kesejahteraan sosial Negara tersebut. Tahap dan taraf hidup rakyat di dalam sesebuah Negara tersebut merupakan

refleksi terhadap kesejahteraan sosial rakyat negara tersebut (Rosyida & Nasdian, 2011). Tahap yang dimaksudkan bererti suatu keadaan yang dialami, dirasakan atau ditanggung oleh rakyat disesebuah negara. Manakala taraf membawa erti kepada suatu keadaan yang menjadi sesuatu yang diimpikan oleh sesebuah masyarakat di dalam sesebuah komuniti tertentu (Wahab, 2010). Indikator kesejahteraan sosial adalah menjadi kayu pengukur dan penilaian yang digunapakai untuk melihat taraf kesejahteraan sosial. Penilaian yang menyentuh tahap dan taraf hidup seseorang individu, sesebuah keluarga dan masyarakat dapat dinilai melalui indikator-indikator kesejahteraan sosial.

Midgley (1995) menerangkan bahawa terdapat tiga aspek utama dalam menentukan kesejahteraan sosial dalam sesuatu komuniti yang terdiri daripada:

- i. Cara pengendalian terhadap masalah sosial
- ii. Memenuhi keperluan asas kehidupan
- iii. Memberi peluang untuk menonjolkan potensi sosial dalam sesuatu kumpulan masyarakat

Aspek-aspek yang telah diterangkan di atas yang berkaitan dengan kesejahteraan sosial secara langsungnya menyediakan sesebuah masyarakat kepada persekitaran yang lebih aman, penyediaan keperluan asas yang menyeluruh serta memaksimumkan potensi sosial (Wong & Wong, 1999). Hal ini akan menyebabkan kebebasan yang mutlak terhadap masyarakat dalam membangunkan potensi diri, menglibatkan diri secara aktif dalam aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan serta melahirkan kesan yang positif terhadap ahli-ahli masyarakat yang lainnya secara menyeluruh (Wong & Wong, 1999).

2.2. Perumahan

Salah satu keperluan asas kehidupan antaranya adalah meliputi makanan dan air yang bersih dan juga tempat perlindungan yang selamat yakni rumah. Rumah didefinisikan sebagai tempat untuk melepaskan lelah, tempat bergaul, dan membina rasa kekeluargaan di antara anggota keluarga, tempat berlindung keluarga dan menyimpan barang berharga, dan rumah juga sebagai status lambang sosial (Keman, 2005). Dalam pada itu, perumahan turut ditakrifkan sebagai satu siri rumah-rumah yang disatukan di sebuah kawasan petempatan.

Sebagai tambahan, Dasar Perumahan Negara (DRN) adalah untuk menyediakan perumahan yang mencukupi, berkualiti dan dalam kemampuan semua rakyat dari segenap lapisan masyarakat terutama bagi golongan yang berpendapatan rendah. Oleh itu kerajaan telah membentuk dasar dan program-program tertentu bagi mencapai matlamat dasar perumahan negara disamping dijadikan hala tuju serta asas dalam perancangan dan pembangunan sektor perumahan oleh semua kementerian, jabatan dan agensi yang berkaitan di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan serta pihak swasta.

Oleh yang demikian, bagi mencapai matlamat perumahan negara, kerajaan telah memperuntukkan pelbagai insentif selain kawalan harga kepada pemaju rumah, terutama sekali pemaju swasta (Abd Aziz, Ahmad & Hanif, 2011). Antara insentif yang telah diberikan antaranya ialah insentif untuk meningkatkan sistem pemilikan rumah, memudahkan sumber pembiayaan untuk membeli rumah, menyemak peraturan perumahan yang berkaitan, menggalakkan penyelidikan terhadap kualiti, teknik binaan dan kos binaan, mengenalpasti dan menswastakan projek perumahan yang sesuai dan menggalakkan serta mengadakan kempen pemilikan rumah.

3. Kaedah Kajian

Penyelidikan ini telah dijalankan dengan menggunakan pendekatan penyelidikan kuantitatif. Penyelidikan secara kuantitatif merupakan salah satu alat yang digunakan untuk penyelesaian permasalahan sosial manusia secara lebih realistik dan jelas menggunakan kaedah terukur yang dapat dibuktikan secara saintifik. Melalui borang soal selidik yang telah diedarkan, proses untuk mencungkil maklumat menggunakan skala likert. Skala 1 hingga lima (1= Sangat tidak bersetuju, 5 = Sangat bersetuju) telah mengambil tempat bagi tujuan untuk melihat kepada permasalahan yang dialami oleh responden yang berkaitan dengan objektif kajian. Soalan-soalan berkisar kepada tahap kesejahteraan sosial, tahap tekanan kerja, dan tahap kesihatan responden.

Dalam penyelidikan kuantitatif ini, sumber data diperoleh secara terus hasil dari temu bual bersemuka bersama responden di lokasi kajian dengan menggunakan borang soal selidik. Oleh yang demikian, melalui kajian ini responden yang dipilih adalah berdasarkan teknik persampelan berkebarangkalian. Kriteria responden dalam kajian ini meliputi:

- a) Penjawat awam di Pulau Pinang: Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) mendapati kira-kira 60% penjawat awam tidak mampu untuk memiliki rumah sendiri berdekatan dengan tempat kerja mereka di bandar-bandar besar (Yatim, 2012).
- b) Jarak rumah dan tempat kerja adalah 35KM dan ke atas atau masa perjalanan melebihi 45 minit untuk ke tempat kerja. Menurut Sandow (2014), jarak dan masa minimum perjalanan ke tempat kerja seperti yang di atas memberi kesan kepada kehidupan harian seseorang.
- c) 3. Telah berulang-alik dari tempat kerja dan kediaman melebihi 1 tahun. Sebagai tambahan, Descombe (2009) menyatakan bahawa penggunaan borang soal selidik dan persampelan sering digunakan dalam penyelidikan berskala kecil dengan julat sampel antara 30 hingga 250.

4. Dapatan Kajian

Melalui analisis yang telah mengambil tempat, objektif kajian yang meliputi isu, dimensi dan kesan terhadap aktiviti ulang alik ke tempat kerja penjawat awam di Pulau Pinang telah diperolehi. Aspek-aspek yang berkisar terhadap kesejahteraan sosial, tekanan kerja dan kesihatan menyokong hasil dapatan kajian ini. Hasil dapatan kajian melalui analisis ini mendorong kepada beberapa skop utama yang terdiri daripada skop seperti di bawah:

4.1. Isu

Berulang-alik ke tempat kerja setiap hari menimbulkan beberapa cabaran dan isu yang memberi kesan kepada pelbagai aspek kehidupan individu. Beberapa isu utama yang berkaitan dengan perjalanan harian termasuk:

4.1.1. Masa dan Produktiviti:

Penggunaan Masa: Perjalanan ulang-alik harian mengambil masa yang lama dan menyebabkan produktiviti berkurangan. Waktu yang lama dihabiskan dalam perjalanan ke tempat kerja menyumbang kepada hari kerja produktif yang lebih singkat dan kurang masa untuk aktiviti peribadi dan keluarga.

Keletihan dan Tekanan: Tekanan dan keletihan yang berkaitan dengan perjalanan menjejaskan fungsi kognitif dan prestasi kerja. Ianya turut berpotensi membawa kepada keletihan dan mengurangkan kesejahteraan secara keseluruhan.

4.1.2. Kesihatan dan Kesejahteraan:

Kesihatan Fizikal: Tempoh yang lama semasa berulang-alik menyumbang kepada gaya hidup yang tidak aktif dan menjejaskan kesihatan fizikal. Kekurangan aktiviti fizikal mendorong kepada masalah seperti obesiti, dan masalah kardiovaskular.

Kesihatan Mental: Tekanan berulang-alik terutamanya dalam lalu lintas yang sesak atau pengangkutan awam yang sesak menyumbang kepada isu kesihatan mental seperti kebimbangan dan kemurungan.

4.1.3. Kos Kewangan (Ekonomi):

Perbelanjaan Pengangkutan: Perjalanan ulang-alik harian melibatkan kos yang berkaitan dengan pengangkutan, sama ada bahan api untuk kenderaan persendirian, yuran pengangkutan awam atau kos penyelenggaraan. Perbelanjaan ini boleh membebankan belanjawan peribadi.

Masa dan Wang: Masa yang dihabiskan untuk berulang-alik mewakili kos peluang kerana ia boleh digunakan untuk aktiviti yang lebih produktif atau menyeronokkan secara individu mahupun keluarga. Selain itu, beban kewangan berulang-alik memberi kesan kepada kesejahteraan kewangan keseluruhan individu.

4.1.4. Keseimbangan Kerja-Kehidupan:

Masa Berjauhan dengan Keluarga: Perjalanan jauh menghilangkan masa berharga yang boleh diluangkan bersama keluarga dan rakan. Ini memberi kesan kepada keseimbangan kehidupan kerja dan boleh menyumbang kepada perasaan terputus hubungan daripada kehidupan peribadi seseorang.

Tekanan pada Perhubungan: Tekanan yang berkaitan dengan perjalanan dan kekangan masa memberi tekanan pada perhubungan serta menjejaskan kedua-dua hubungan peribadi dan profesional.

4.1.5. Kesesakan Lalu Lintas:

Kehilangan Produktiviti: Kesesakan lalu lintas menyebabkan kelewatan yang tidak dapat diramalkan serta menyebabkan individu tiba lewat ke tempat kerja. Ketidakpastian ini boleh mengakibatkan tekanan tambahan dan mengurangkan produktiviti hasil kerja.

4.2. Dimensi

Ulang-alik ke tempat kerja setiap hari melibatkan pelbagai dimensi yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan individu dalam konteks masyarakat yang lebih meluas. Berikut ialah dimensi utama yang dikaitkan dengan perjalanan ulang-alik harian melalui kajian ini:

4.2.1. Dimensi Masa:

Penggunaan Masa: Masa yang dihabiskan untuk berulang-alik setiap hari adalah dimensi yang kritikal. Masa ulang-alik yang lama menjejaskan jadual harian, mengurangkan jumlah masa yang tersedia untuk kerja, masa lapang dan aktiviti peribadi dan keluarga.

Fleksibiliti Masa: Fleksibiliti atau ketegaran jadual kerja dan masa berulang-alik adalah pertimbangan penting. Jadual fleksibel dan pengaturan kerja alternatif boleh mempengaruhi cara individu mendepani dimensi masa berulang-alik ke tempat kerja.

4.2.2. Dimensi Fizikal:

Kesihatan Fizikal: Kesan fizikal berulang-alik termasuk faktor seperti tingkah laku yang tidak aktif semasa perjalanan, pendedahan kepada bahan pencemar alam sekitar dan potensi isu kesihatan yang berkaitan dengan tekanan.

4.2.3. Dimensi Ekonomi:

Kos Kewangan: Perjalanan ulang-alik mempunyai implikasi ekonomi, termasuk kos yang berkaitan dengan pengangkutan (bahan api, yuran transit awam, penyelenggaraan) dan potensi kesan ke atas perbelanjaan bulanan peribadi.

Peluang Ekonomi: Dimensi ekonomi juga mempertimbangkan kemungkinan peluang atau kos yang berkaitan dengan perjalanan ulang-alik, seperti akses kepada peluang pekerjaan yang lebih baik di lokasi yang berbeza.

4.2.4. Dimensi Sosial:

Kualiti Hidup: Perjalanan ulang-alik menjejaskan kualiti hidup keseluruhan dengan mempengaruhi faktor seperti keseimbangan kerja-kehidupan, masa yang dihabiskan bersama keluarga dan rakan-rakan, dan penyertaan dalam aktiviti masyarakat.

Hubungan Komuniti: Dimensi sosial juga termasuk pertimbangan tentang cara dan corak berulang-alik mempengaruhi hubungan sosial dalam komuniti dan kejiranan.

4.2.5. Dimensi Psikologi:

Kesihatan Mental: Kesan psikologi berulang-alik termasuk tekanan, keletihan dan potensi masalah kesihatan mental yang berkaitan dengan perjalanan jauh atau tekanan.

Kawalan *Perceived*: Perasaan kawalan ke atas perjalanan berulang-alik seseorang, seperti mempunyai pilihan yang fleksibel atau masa perjalanan yang boleh diramal turut mempengaruhi dimensi psikologi terhadap aktiviti berulang-alik ke tempat kerja.

4.2.6. Dimensi Kerja:

Produktiviti dan Prestasi: Perjalanan ulang-alik menjejaskan hasil yang berkaitan dengan kerja termasuk produktiviti, kepuasan kerja dan prestasi kerja secara keseluruhan.

Keseimbangan Kerja-Kehidupan: Dimensi kerja berulang-alik melibatkan penilaian cara perjalanan harian memberi kesan kepada keseimbangan antara tanggungjawab profesional dan kehidupan peribadi.

4.3. Kesan

Ketiga, kesan terhadap ulang alik dari rumah dengan tempat kerja bagi penjawat awam di Pulau Pinang. Berulang-alik ke tempat kerja setiap hari memberi kesan yang meluas kepada individu, komuniti dan masyarakat. Kesannya adalah pelbagai dan boleh menjadi positif dan negatif serta mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan manusia seperti di bawah:

4.3.1. Kesejahteraan Individu:

Tekanan dan Keletihan: Perjalanan jauh menyumbang kepada peningkatan tahap tekanan dan keletihan. Kesibukan harian dengan aktiviti berulang-alik ke tempat kerja terutamanya dalam lalu lintas yang sesak atau pengangkutan awam yang sesak turut sama menjejaskan kesejahteraan mental individu.

Kesihatan Fizikal: Perjalanan secara tidak aktif terutamanya dalam kenderaan persendirian menyumbang kepada kekurangan aktiviti fizikal.

Kekangan Masa: Perjalanan ulang-alik yang lama memakan masa berharga yang boleh diluangkan untuk aktiviti peribadi, bersantai atau melibatkan diri dalam hobi yang berpotensi memberi kesan positif kepada kepuasan hidup secara keseluruhan.

4.3.2. Prestasi Kerja:

Produktiviti: Perjalanan yang lama mengakibatkan produktiviti berkurangan kerana individu ada masanya tiba di tempat kerja berasa letih dan tertekan.

Ketidakhadiran: Tekanan dan ketidakpastian berulang-alik boleh menyumbang kepada peningkatan ketidakhadiran dan kelewatan yang menjejaskan kehadiran kerja dan ketepatan masa. Kepuasan Kerja: Cabaran perjalanan turut mempengaruhi tahap kepuasan kerja. Majoriti responden dengan perjalanan yang lama dan mencabar kurang berpuas hati dengan keseluruhan pengalaman kerja mereka.

4.3.3. Kesan Ekonomi:

Kos: Perjalanan ulang-alik melibatkan kos kewangan termasuk perbelanjaan bahan api, bayaran pengangkutan awam dan kos penyelenggaraan kenderaan persendirian.

Kesan kepada Ekonomi Tempatan: Corak perjalanan mempengaruhi ekonomi terutamanya di kawasan penjawat awam berulang-alik ke tempat kerja (kawasan bandar). Kesan ini termasuk perubahan dalam permintaan perumahan serta keperluan infrastruktur pengangkutan.

4.3.4. Keluarga dan Hubungan Sosial:

Masa Berjauhan dengan Keluarga: Perjalanan ulang-alik yang lama mengurangkan masa yang diluangkan oleh individu bersama keluarga mereka, yang berpotensi menjejaskan hubungan keluarga dan kualiti keseluruhan kehidupan sebuah keluarga.

Pengasingan Sosial: Perjalanan ulang-alik membawa kepada pengasingan sosial. Individu menghabiskan banyak masa dalam perjalanan dan mempunyai peluang terhad untuk berinteraksi dalam komuniti mereka.

4.3.5. Perkembangan Diri:

Keseimbangan Kerja-Kehidupan: Cabaran perjalanan memberi kesan kepada keseimbangan kerja-kehidupan serta menjejaskan keupayaan individu untuk melibatkan diri dalam aktiviti di luar kerja dan mengekalkan gaya hidup sihat.

4.4. Kepentingan dan Faedah Penyelidikan

Kajian ini secara langsung dapat menghuraikan isu dan permasalahan berkaitan jarak rumah dengan tempat kerja penjawat awam terutamanya di Pulau Pinang. Selain itu, ianya juga dapat menentukan dimensi serta melihat dengan lebih mendalam kesan kesejahteraan sosial mereka berkaitan jarak rumah dengan tempat kerja. Melalui dapatan kajian ini, tahap kesejahteraan sosial penjawat awam dapat ditingkatkan seterusnya dapat menyediakan sebuah kelompok masyarakat yang kondusif hasil analisis serta cadangan yang relevan bagi meningkatkan kefungsi sosial mereka.

Manfaat yang khusus dalam praktis kerja sosial dan juga responden yang terlibat dalam kajian ini turut hadir bersama. Menurut Dolgoff et. al (2011), kerja sosial adalah tindak balas terhadap situasi yang membimbangkan atau yang bermasalah yang mampu memberi kesan dan impak negatif kepada seseorang individu dan komuniti itu dari segi dimensi kognitif, psikologi, sosial, fizikal dan kerohanian. Kerja sosial meliputi perkhidmatan dan proses pertolongan yang memberi fokus kepada menangani masalah, meningkatkan kefungsi sosial, meningkatkan kapasiti dan kehidupan berkualiti seseorang individu, kumpulan dan komuniti.

Disamping itu, setiap individu mempunyai hak untuk dilayan sama rata. Oleh itu, pekerja sosial tidak boleh hanya mengkaji masalah yang dihadapi oleh individu itu sahaja. Sebaliknya, pekerja sosial juga turut memberi perhatian kepada keluarga, komuniti dan persekitaran kerana masalah yang dihadapi oleh seseorang individu tersebut mempunyai hubung kait dengan persekitaran mereka (Zastrow, Kirst-Ashman & Hessenauer, 2019). Dalam situasi seperti ini pekerja sosial berperanan dalam mengkaji persekitaran sosial klien dan bagaimana persekitaran sosial klien tersebut dapat memberi kesan kepada kehidupan mereka.

Oleh yang demikian, pekerja sosial menyediakan intervensi kepada individu, keluarga dan kumpulan untuk membantu mereka dalam menangani situasi bermasalah terutamanya dalam isu dan permasalahan berkaitan jarak rumah dengan tempat kerja penjawat awam. Justeru itu, tujuan intervensi kerja sosial adalah untuk membantu dan menangani masalah yang menghalang kesejahteraan sosial klien (Rwomire, 2011).

Sebagai tambahan, salah satu peranan pekerja sosial adalah penyelidik. Zastrow & Hessenauer (2022) menyatakan bahawa penyelidikan dalam praktis kerja sosial merangkumi penyelidikan terhadap sesuatu topik yang penting, menilai keberkesanan sesuatu dasar, praktis dan program serta keperluan masyarakat. Selain daripada memainkan peranan sebagai seorang penyelidik, pekerja sosial juga perlu memainkan peranan sebagai *enabler, broker, advocate, empowerer, aktivis, mediator, teacher, initiator*, koordinator, dan *fasilitator*.

5. Kesimpulan dan Cadangan

Secara kesimpulan, majoriti responden yang telah ditemu bual melihat dan merasai aktiviti ulang alik ke tempat kerja yang lama dan jauh dari rumah mereka sebagai sesuatu yang membebankan, meletihkan, berisiko tinggi terhadap keselamatan di jalanraya, kurang masa bersama keluarga, dan juga buang masa. Selain itu, faktor yang terarah kepada kesejahteraan sosial, tekanan kerja serta kesihatan turut sama diketengahkan oleh mereka. Walaubagaimana pun, hanya sebilangan kecil responden menyatakan bahawa mereka tidak bermasalah dan redha untuk ulang alik ke tempat kerja kerana memikirkan tanggungjawab mereka sebagai penjawat awam dan ada rezeki untuk bekerja jika dibandingkan dengan masyarakat lain yang tiada pekerjaan.

Dari sudut yang berbeza, kajian ini turut terjemahkan elemen yang berkaitan dengan isu, dimensi dan kesan terhadap responden meliputi: i) Isu - masa dan produktiviti, kesihatan dan kesejahteraan, kos kewangan (ekonomi), keseimbangan kerja-kehidupan, jarak perjalanan dan kesesakan lalu lintas; ii) Dimensi – masa, fizikal, ekonomi, sosial, psikologi dan kerja; iii) Kesan - kesejahteraan individu, prestasi kerja, kesan ekonomi, keluarga dan hubungan sosial dan perkembangan diri.

Sebagai cadangan, cadangan yang relevan kepada pihak majikan terarah kepada pemodenan tempat kerja dengan melihat kepada peranan teknologi dengan membolehkan penjawat awam yang ulang alik ke tempat kerja bekerja dari jauh dan fleksibel, peningkatan pengangkutan awam dengan menyediakan inisiatif yang lebih efisien serta penerapan cara kerja yang lebih lestari dan berkesan dari segi kos kepada pihak majikan dan pekerja.

Menangani isu perjalanan ulang-alik ini memerlukan pendekatan holistik yang mengambil kira faktor seperti perancangan bandar, dasar pengangkutan dan sifat kerja yang terus berkembang. Alternatif seperti bekerja dari jauh dan penjadualan fleksibel semakin diterokai sebagai penyelesaian yang berpotensi untuk mengurangkan cabaran yang berkaitan dengan perjalanan ulang-alik harian ke tempat kerja. Melalui kemajuan teknologi ini, aktiviti seperti mesyuarat secara maya dengan penggunaan alat kolaborasi jauh telah memperkenalkan dimensi baharu untuk berulang-alik ke tempat kerja. Teknologi ini juga membolehkan kerja dari jauh dan memberi kesan kepada keperluan kehadiran fizikal di tempat kerja.

Sebagai tambahan, pandemik COVID-19 telah mempercepatkan penggunaan teknologi kerja dari jauh yang secara langsung mendorong kepada penilaian semula terhadap amalan berulang-alik tradisional. Kesan jangka panjang anjakan ini terhadap trend berulang-alik dan akibatnya terhadap pelbagai aspek kehidupan adalah bidang penyelidikan dan pertimbangan yang berterusan.

Oleh yang demikian, dengan penyelidikan dan memahami konteks isu, dimensi, dan kesan ini, pihak majikan dapat merancang strategi yang lebih baik untuk meningkatkan kualiti hidup penjawat awam dan memajukan keseluruhan produktiviti dan kepuasan kerja penjawat awam di Pulau Pinang.

Penghargaan

Penyelidikan ini telah dibiayai oleh Pejabat Kreativiti dan Pengurusan Penyelidikan (RCMO), Universiti Sains Malaysia (USM) melalui Geran Jangka Pendek.

Rujukan

- Abd Aziz, W. N. A. W., Ahmad, F., & Hanif, N. R. (2011). Pembasmian kemiskinan bandar ke arah bandar inklusif dan sejahtera: Cabaran Kuala Lumpur. *Journal of Surveying, Construction and Property*, 2(1).
- Daud, S. (2004). Globalisasi dan negara pembangunan. *Akademika*, 64(1), 27-41.
- Denscombe, M. (2009). Item non-response rates: a comparison of online and paper questionnaires. *International Journal of Social Research Methodology*, 12(4), 281-291.
- Dolgoff, R., Harrington, D., & Loewenberg, F. M. (2012). *Brooks/Cole empowerment series: Ethical decisions for social work practice*. Cengage Learning. seseorang individu tersebut mempunyai
- Haizzan, Y. M., Firdaus, R. R., Samsurijan, M. S., Latiff, A. R. A., Singh, P. S. J., Jaafar, M. H., & Vadevelu, K. (2018). Urban Poverty and Housing: Social Work Issues. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(9), 1111-1118.
- Heiler, K., & Pickersgill, R. (2001). Shiftwork and rostering arrangements in the Australian mining industry: An overview of key trends. *Australian Bulletin of Labour*, 27(1), 20-42.
- Hein, G. R. (1983). Indonesia in 1982: Electoral victory and economic adjustment for the new order. *Asian Survey*, 23(2), 178-190.
- Keman, S. (2005). Kesehatan perumahan dan lingkungan pemukiman. *Jurnal Kesehatan Lingkungan Unair*, 2(1), 3947.
- Malek, N. M., & Husin, A. (2012). Pemilikan rumah dalam kalangan masyarakat bandar berpendapatan sederhana dan rendah di Malaysia. *Sosiohumanika*, 5(2).
- Mas'oed, M. (1989). *Ekonomi dan struktur politik Orde Baru 1966-1971*. LP3ES.
- Midgley, J. (1995). *Pembangunan sosial: perspektif pembangunan dalam kesejahteraan sosial*. Direktorat Perguruan Tinggi Agama Islam.
- Mitchell, R. K., Weaver, G. R., Agle, B. R., Bailey, A. D., & Carlson, J. (2016). Stakeholder agency and social welfare: Pluralism and decision making in the multi-objective corporation. *Academy of Management review*, 41(2), 252-275.
- Rosyida, I., & Nasdian, F. T. (2011). Partisipasi masyarakat dan stakeholder dalam penyelenggaraan program corporate social responsibility (csr) dan dampaknya terhadap komunitas perdesaan. *Sodality: Jurnal Sosiologi Pedesaan*, 5(1).
- Rwomire, A. (2011). The role of social work in national development. *Social Work & Society*, 9(1), 108-118.
- Sandow, E. (2014). Til work do us part: The social fallacy of long-distance commuting. *Urban Studies*, 51(3), 526-543.
- Sandow, E., Westerlund, O., & Lindgren, U. (2014). Is your commute killing you? On the mortality risks of long-distance commuting. *Environment and planning A*, 46(6), 1496-1516.
- Sandow, E., Westerlund, O., & Lindgren, U. (2014). Is your commute killing you? On the mortality risks of long-distance commuting. *Environment and planning A*, 46(6), 1496-1516.
- Schneider, N. F., & Collet, B. (Eds.). (2010). *Mobile living across Europe II: Causes and consequences of job-related spatial mobility in cross-national comparison*. Verlag Barbara Budrich.
- Spector, P. E. (1997). The role of frustration in antisocial behavior at work.
- Spies, M. (2006). Distance between home and workplace as a factor for job satisfaction in the North-West Russian oil industry. *Fennia-International Journal of Geography*, 184(2), 133-149.

- Wahab, H. A. (2010). Kesejahteraan sosial dan pembangunan komuniti: Pendekatan dan indikator.
- Wong, T. K. Y., & Wong, C. K. (1999). The public perception of social welfare in Hong Kong: implications for social development. *Social Development Issues*, 21, 1-11.
- Zastrow, C., & Hessenauer, S. L. (2022). *Empowerment series: Introduction to social work and social welfare: Empowering people*. Cengage Learning.
- Zastrow, C., Kirst-Ashman, K. K., & Hessenauer, S. L. (2019). *Empowerment series: understanding human behavior and the social environment*. Cengage Learning.